

24hb. Jun, 1978

## SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN BIL. 9 TAHUN 1978<sup>1</sup>

Tuan,

### PERUBAHAN KADAR BAYARAN GAJI SEHARI BAGI PEKERJA - PEKERJA SAMBILAN

Adalah dimaklumkan bahawa Pekerja Separuh Masa/Sambilan boleh diambil untuk menunaikan tugas jawatan di mana penyandanginya tidak hadir oleh kerana bercuti yang diluluskan menurut [Perintah Am Bab 'C'](#) yang lanjut tempohnya tetapi di mana peraturan pangkuan/tanggungannya tidak boleh dilakukan atau bagi maksud menunaikan kerja-kerja yang bercorak sementara yang berwajah setempat tetapi tidak wajar menubuhkan jawatan-jawatan sementara oleh kerana masa menunaikan tugas yang singkat. Mulai dari 1hb. Julai, 1978 bayaran yang baru bagi pekerjaan separuh masa/pekerjaan sambilan adalah menurut kadar harian, yang berasaskan kepada kelulusan yang perlu dimiliki untuk menyempurnakan tugas-tugas yang akan dilaksanakan, seperti berikut:-

	<b>Kelulusan Akademik</b>	<b>Kadar Gaji Harian</b>
(a)	Sijil Tinggi Persekolahan (STP/HSC)	\$18.00
(b)	Sijil Pelajaran Malaysia (SPM/MCE)	\$11.00
(c)	Sijil Rendah Pelajaran (SRP/LCE)	\$8.00
(d)	Kelulusan yang rendah daripada SRP/LCE	\$7.00

2. Bila-bila masa, seseorang Ketua Jabatan atau Pihak Pengurusan Badan-badan Berkanun/Kuasa-kuasa Tempatan menghadapi sesuatu tugas di dalam jabatannya yang perlu disegerakan tetapi tidak dapat disempurnakan oleh bilangan kakitangannya dalam masa yang dikehendaki, persetujuan bolehlah diperolehi daripada Perbendaharaan dan Jabatan

---

<sup>1</sup> Sila lihat [P.P. 9/80](#) berkenaan dengan perubahan gaji pegawai sektor awam, Semakan gaji baru dan juga sila lihat [P.P. 2/80](#) berkenaan dengan cara menamatkan perkhidmatan di Badan-badan Berkanun, Kuasa-kuasa Tempatan atau Jabatan Kerajaan untuk berkhidmat dengan pihak majikan yang lain bagi maksud mengambilkira perkhidmatan yang terputus untuk faedah pencen.

Perkhidmatan Awam untuk mendapat peruntukan atau menggunakan peruntukan yang sedia bagi upahan pekejaan sambilan/separuh masa dengan memperihalkan butiran tugas dan jangkamasa ia boleh diselesaikan. Permintaan itu hendaklah juga memberitahu jenis jawatan dalam jabatannya yang biasa ditanggungjawabkan dengan tugas tersebut.

3. Caruman kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja adalah diwajibkan apabila seseorang pekerja itu, walau sekalipun bekerja sambilan/separuh masa menerima gaji dari pekerjaannya selama lebih daripada 15 hari dalam sebulan dan pekerjaan bersambungan lebih daripada 15 hari itu. Bagi maksud ini caruman pekerja dan caruman majikan hendaklah seperti yang ditetapkan oleh undang-undang untuk tujuan tersebut.

4. Ketua-ketua Jabatan/Ketua-ketua Pengurusan yang mempunyai pekerja - pekerja sambilan/separuh masa bolehlah mengambil tindakan untuk mengubahsuai bayaran upahan kerja menurut kadar harian yang tersebut di atas kepada pekerja-pekerja sambilan/separuh masa mulai dari 1hb. Julai, 1978.

5. Bayaran upahan pekerjaan sambilan/separuh masa menurut kadar harian di atas tidak boleh dilakukan semata-mata oleh kerana pekerja yang diambil memiliki sesuatu kelulusan. Kadar baru tersebut dibayar menurut kelulusan yang perlu dimiliki untuk menunaikan tugas yang diuruskan dan kelulusan yang lebih tinggi daripada kelulusan yang perlu dimiliki tidak diambil kira.

6. Peruntukan di dalam Surat Pekeliling Perkhidmatan ini meliputi Badan-badan Berkanun dan Kuasa-kuasa Tempatan. Setiausaha-setiausaha Kerajaan Negeri adalah diminta supaya mengeluarkan arahan seperti yang terkandung di dalam Surat Pekeliling Perkhidmatan ini kepada Pihak Pengurusan Badan-badan Berkanun dan Kuasa-kuasa Tempatan yang tertakluk di bawah tadbirannya.

Saya yang menurut perintah,

(BAHARUDDIN BIN ABDUL MULUK)

Bahagian Gaji,

b.p. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,

Malaysia.

Semua Ketua Setiausaha Kementerian.

Semua Ketua Jabatan Persekutuan.

Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri.

Semua Pihak Pengurusan Badan-badan Berkanun.

Semua Pihak Pengurusan Kuasa-kuasa Tempatan.